7

**NO SOALAN :342**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

| | |
|---|---|
| **DARIPADA** | **: Y.B. TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ (PASIR MAS)** |
| **PERTANYAAN** | **: BERTULIS** |

**Y.B. TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [ PASIR MAS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kadar faedah pinjaman perumahan semasa dan menjelaskan status cadangan untuk menurunkan kadar faedah pinjaman perumahan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penentuan kadar faedah pinjaman oleh institusi perbankan adalah berbeza mengikut dasar kredit dalaman dan kos dana masing-masing. Kadar faedah yang ditetapkan juga mencerminkan persekitaran persaingan yang sihat di dalam sektor kewangan. Bagi tahun 2017, kadar faedah

purata bagi pembelian kediaman oleh individu adalah sekitar 4.4%.